

Isu Kampuchea: Hawke mahu temui Ghazali

Bahan asal dari Akhbar
Negara Malaysia

NEW DELHI, Rabu — Australia sedang berusaha untuk berbincang dengan Malaysia mengenai isu Kampuchea sebelum ia diketengahkan di Sidang Kemuncak Komanwel, kata Menteri Luar Malaysia, Tan Sri Ghazali Shafie malam tadi.

Katanya, Perdana Menteri Australia, Bob Hawke membuat permintaan untuk membincangkan hal itu dan berharap ia dapat diadakan sebelum isu itu dibincang di persidangan kemuncak ketua-ketua negara Komanwel.

Bellau memberitahu para wartawan Malaysia yang meliputi persidangan itu bahawa beliau ingin tahu pendirian sebenar Australia dalam isu itu.

Tan Sri Ghazali yang mengetuai perwakilan Malaysia ke sidang itu berkata, Australia menyokong semua tentera Vietnam di Kampuchea berundur.

Tetapi dalam pada itu, ia enggan mengutuk pencerobohan Vietnam dan menganggap penaklukan

Kampuchea suatu isu lain.

Bellau menyatakan haliran bagaimana Australia boleh mengutuk pencerobohan itu, tetapi mendiamkan diri terhadap kegiatan pihak terbabit untuk mencapai perkara itu.

Bagaimanapun, beliau yakin pemimpin Australia itu mempunyai 'berita baik' yang dibawanya.

Katanya, kalau bukan begitu tidak mungkin Hawke berusaha mengadakan pertemuan itu.

Menteri Luar Australia, Bill Hayden sebelum berlepas dari Bangkok ke Rangoon juga cuba untuk menghubungi Tan Sri Ghazali melalui telefon, tetapi hubungan tidak berjaya.

Suruhanjaya Tinggi Australia di sini meminta maaf kepada Tan Sri Ghazali dan berkata Hayden akan cuba menghubungi beliau dari Rangoon.

Tan Sri Ghazali juga berkata, Malaysia serta rakan-rakannya dalam Asean dan Komanwel tidak bimbang jika Australia tidak menyokong pendiriannya dalam isu Kampuchea kerana "kita mem-

punya ramal rakan yang akan menyokong isu ini."

Bellau juga menegaskan bahawa Malaysia tidak marah tetapi 'kecewa' bila Australia enggan menjadi penaja bersama ketetapan di Bangsa-Bangsa Bersatu yang mendesak semua tentera asing berundur dari Kampuchea.

Di Bangsa-Bangsa Bersatu, Indonesia membaharui rayuannya kepada Vietnam supaya mencari penyelesaian segera dan adil terhadap masalah Kampuchea di samping menunjukkan tolak ansur serta ketegasan meneruskan dialog dengan Asean.

Wakil tetapnya di sini, Ali Alatas memberitahu perhimpunan agung baru-baru ini bahawa keamanan yang berterusan tidak boleh dipaksa dengan senjata, sementara kestabilan tidak boleh diwujudkan di bawah kongkongan asing.

Kerana itu Indonesia terus yakin bahawa masalah ancaman keselamatan di Kampuchea perlu diatasi segera. — Bernama-Oana-Anlana.